

*Universiti Sains Malaysia*



**KAJIAN TERHADAP GAYA KEIBUBAPAAN  
DAN KAITANNYA DENGAN KEMURUNGAN  
DAN KUALITI PERSAHABATAN REMAJA**

Disertasi ini dipersiapkan untuk memenuhi sebahagian  
daripada syarat untuk penganugerahan  
Ijazah Sarjana Muda Sains Kesihatan Kejururawatan

**MASITAH BINTI YUSOFF**

Pusat Pengajian Sains Kesihatan  
Universiti Sains Malaysia  
16150 Kubang Kerian Kelantan  
Malaysia

2004

## AKUJANJI

Untuk memperakukan bahawa disertasi yang berjudul "Kajian Terhadap Gaya Keibubapaan Dan Kaitannya Dengan Kemurungan Dan Kualiti Persahabatan Remaja", merupakan kerja dan penyelidikan asal oleh Masitah Binti Yusoff, No. Matrik 62053 dari tempoh Oktober 2003 hingga Disember 2003 adalah di bawah pengawasan saya. Disertasi ini merupakan sebahagian daripada syarat untuk penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains Kesihatan Kejururawatan. Segala hasil penyelidikan dan data-data yang diperolehi adalah hak milik Universiti Sains Malaysia.

Penyelia Utama :

  
**Dr Jamil Bin Hj. Yaacob**  
Pakar Kanak-Kanak Dan Remaja  
Jabatan Psikiatrik  
Pusat Pengajian Sains Perubatan  
Universiti Sains Malaysia

**D.R. MOHD JAMIL BIN HJ. YAACOB**  
MD, MMed ( Psych ), M.Sc CAMH ( London )  
Consultant Child and Adolescent Psychiatrist  
Department of Psychiatry,  
School of Medical Sciences,  
Universiti Sains Malaysia,  
16150 Kubang Kerian, Kelantan.

Tarikh :

Penyelia Bersama :

  
**Puan Siti Hawa Binti Ali**  
Pensyarah Pusat Pengajian Sains Kesihatan  
Universiti Sains Malaysia  
Tarikh :

**SITI HAWA ALI**  
Pensyarah  
Pusat Pengajian Sains Kesihatan  
Universiti Sains Malaysia  
8150 Kubang Kerian  
Kelantan.

## **UCAPAN PENGHARGAAN**

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada individu dan juga institusi yang terlibat dalam memberi sokongan untuk menjayakan projek penyelidikan serta disertasi ini.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr Jamil Bin Hj. Yaakob, selaku penyelia utama kerana usaha gigih beliau memberi tunjuk ajar serta bimbingan untuk menjayakan projek serta disertasi penyelidikan ini. Tanpa beliau disertasi ini tidak akan lengkap. Hasil dari kesabaran, bantuan dan dorongan yang berterusan dari beliau akhirnya saya dapat menghasilkan satu disertasi yang penting untuk diaplikasikan dalam bidang kejururawatan di Unit Psikiatrik Hospital Universiti Sains Malaysia. Semoga jasa-jasa mereka diberkati oleh Allah S.W.T. serta dipanjangkan usia, dimurahkan rezeki di sepanjang hayat mereka.

Kedua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Siti Hawa Bt. Ali selaku penyelia bersama yang sanggup meluangkan masa membimbing serta memberi sokongan padu kepada saya dalam penulisan disertasi ini. Semoga segala jasa baik beliau diberkati oleh Allah S.W.T., dimurahkan rezeki di sepanjang hayat beliau.

Selain daripada itu saya juga sangat berbangga dengan bantuan pensyarah kejururawatan yang terdiri daripada Puan Rogayah serta lain-lain pensyarah kejururawatan yang sanggup meluangkan masa untuk memberi idea serta pandangan semasa penulisan disertasi ini. Hanya Allah jua yang dapat membalas jasa baik mereka.

Terima kasih juga diucapkan kepada Dekan Pusat Pengajian Sains Kesihatan, Profesor Dr Zainul Faziruddin Zainuddin, Timbalan Dekan Akademik dan Pembangunan Pelajar, Profesor Madya Dr Syed Mohsin Sahil Jamalullail, Pengarah Hospital Universiti Sains Malaysia, Dr Hj Ramlie Saad, Pengarah Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia Dr. Sahandri Ghani dan lain-lain pihak pengurusan kerana membenarkan saya menjalankan projek penyelidikan dalam bidang kejururawatan yang akan menjadi bidang pengkhususan saya nanti.

Tidak ketinggalan diucapkan terima kasih kepada kesemua guru besar sekolah-sekolah yang berkaitan kerana keprihatinan beliau membenarkan saya menjalankan projek penyelidikan di sekolah di bawah jagaan mereka.

Akhir sekali dalam usaha saya menjalankan projek penyelidikan serta penulisan disertasi ini, saya sangat berbangga dengan sokongan dan rangsangan yang diberi secara berterusan daripada ahli-ahli keluarga terutama suami tercinta, kedua ibu bapa, mertua dan anak-anak yang dikasihi. Saya bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana memberi kekuatan fizikal dan mental kepada saya untuk menjayakan projek penyelidikan sehingga dapat menghasilkan satu disertasi yang sebegini rupa.

# KANDUNGAN

*Muka surat*

## AKUJANJI

PENGHARGAAN .....	i
KANDUNGAN .....	iii
SENARAI JADUAL.....	vi
RINGKASAN PERKATAAN.....	vii
ABSTRAK.....	viii
BAB 1 PENGENALAN .....	1
1.1    Hipotesis .....	4
1.2    Definisi .....	4
1.3    Kebaikan Kajian .....	5
1.4    Limitasi .....	6
BAB 2 SEMAKAN BACAAN.....	7
BAB 3 OBJEKTIF .....	8
BAB 4 METODOLOGI.....	12
4.1    Pemilihan Sekolah .....	12
4.2    Pemilihan Pelajar dan Jumlah Sampel.....	12
4.3    Kriteria Inklusi dan Ekslusi .....	14
4.4    Pertimbangan etika .....	14
4.5    Borang Soalselidik.....	14
BAB 5 KEPUTUSAN	
5.1    Data Sosiodemografi Pelajar .....	18
5.2    Data Sosiodemografi Ibubapa/Penjaga .....	19
5.3    Gaya Keibubapaan .....	26

5.4	Perkaitan Gaya Keibubapaan Dengan Kemurungan Remaja.....	27
5.5	Perkaitan Antara Gaya Keibubapaan Dengan Kualiti Persahabatan Remaja .....	28
<b>BAB 6 PERBINCANGAN</b>		
6.1	Mengenalpasti gaya keibubapaan .....	29
6.2	Perkaitan Gaya Keibubapaan Dengan Kemurungan Remaja.....	34
6.3	Perkaitan Gaya Keibubapaan Dengan Kualiti Persahabatan Remaja .....	36
<b>BAB 7 RUMUSAN</b>		
7.1	Limitasi .....	39
7.2	Cadangan .....	40
Lampiran Ringkasan Keseluruhan Proses Kajian.....		42
RUJUKAN.....		43
<b>LAMPIRAN</b>		
a)	Permohonan Menjalankan Ujian di Sekolah-sekolah	
b)	Kebenaran Menjalankan Kajian di Sekolah-sekolah (JPM & JPN)	
c)	Borang BPPDP	
d)	Borang Maklumat dan Keizinan Ibubapa	
e)	Borang Sosiodemografi Pelajar-pelajar	
f)	Borang Sosiodemografi Penjaga	
g)	Soal Selidik Keibubapaan	
h)	Skala Kualiti Persahabatan	
i)	Child Behaviour Checklist	

## **SENARAI JADUAL**

*Mukasurat*

a)	Jadual 4.5.2	Soalselidik Gaya Keibubapaan	16
b)	Jadual 4.5.4	Soal Selidik Kualiti Persahabatan	17
c)	Jadual 5.3	Gaya Keibubapaan	26
d)	Jadual 5.4	Perkaitan Gaya Keibubapaan VS Kemurungan	27
e)	Jadual 5.5	Perkaitan SemuaGaya Keibubapaan <i>Authoritative</i> VS Semua Kualiti Persahabatan	28

## **SENARAI GAMBARAJAH**

a)	Gambarajah 5.1.1	Pembahagian Sampel Mengikut Jantina	18
b)	Gambarajah 5.1.2	Pembahagian Sampel Mengikut Sekolah	19
c)	Gambarajah 5.2.1.1	Peratus Pembahagian Pemaklum	20
d)	Gambarajah 5.2.1.2	Pecahan Ibumapa /Penjaga Mengikut Umur	20
e)	Gambarajah 5.2.2	Pembahagian Ibubapa Mengikut Pekerjaan	21
f)	Gambarajah 5.2.3	Pecahan Ibubapa /Penjaga Mengikut Pendapatan	22
g)	Gambarajah 5.2.4	Bilangan Tanggungan	23
h)	Gambarajah 5.2.5	Umur Anak Pertama	24
i)	Gambarajah 5.2.6	Umur Anak Bongsu	24
j)	Gambarajah 5.2.7	Gambaran Perasaan Ibubapa Sekarang	25
k)	Gambarajah 5.2.8	Tahap Pengetahuan Ibubapa Terhadap Gaya Keibubapaan	26

## **RINGKASAN PERKATAAN**

SMTM	Sekolah Menengah Tanjung Mas
SMPC	Sekolah Menengah Pengkalan Chepa
SMP	Sekolah Menengah Panji
SMK	Sekolah Menengah Kota
PSQ	Parenting Style Questionare
FQS	Friendship Quality Questionare
CBCL	Child Behaviour Checklist

## **ABSTRAK**

### **KAJIAN TERHADAP GAYA KEIBUBAPAAN DAN KAITANNYA DENGAN KEMURUNGAN DAN KUALITI PERSAHABATAN REMAJA**

**PENDAHULUAN:** Kajian terhadap gaya keibubapaan mengenalpasti 4 jenis gaya yang diamalkan oleh ibubapa iaitu *indulgent*, *authoritarian*, *authoritative* dan *uninvolve*.

Walaupun terdapat banyak kajian yang serupa yang dijalankan di barat namun tidak banyak lagi yang dijalankan di kalangan masyarakat Malaysia khasnya di Pantai Timur. Persoalan yang menjadi fokus utama kajian adalah apakah sebenarnya kaitan di antara gaya keibubapaan dengan faktor emosi dan sosialisasi remaja. Faktor kemurungan adalah dipilih sebagai parameter yang mewakili emosi sementara faktor kualiti persahabatan mewakili sosialisasi remaja.

**OBJEKTIF:** Tujuan utama kajian adalah untuk mengenalpasti gaya keibubapaan di kalangan ibubapa, untuk membuktikan kaitan gaya keibubapaan dengan kemurungan dan perkaitan gaya keibubapaan dengan kualiti persahabatan.

**METODOLOGI:** Suatu kajian telah dilakukan di kalangan 105 pelajar dan ibubapa sekolah menengah dalam jajahan Kota Bharu. Pemilihan sekolah dan pelajar adalah secara persempelan rawak sistematik. Soalselidik yang digunakan dalam kajian ini adalah Skala Senarai Tingkah Laku Kanak-kanak (CBCL), Soalselidik Gaya Keibubapaan (PSQ) dan Soalselidik Kualiti Persahabatan (FQS).

**KEPUTUSAN:** Seramai 105 dari 110 pelajar dan ibubapa telah dipilih untuk kajian. Hasil daripada kajian mendapati bahawa gaya keibubapaan *authoritative* adalah merupakan gaya yang sering diamalkan oleh ibubapa (74.3%). Manakala gaya keibubapaan jenis *uninvolved* adalah gaya yang paling jarang diamalkan oleh ibubapa (25.7%). Kajian ini juga mendapati bahawa tidak ada perkaitan yang signifikan secara statistik antara gaya keibubapaan dengan kemurungan remaja. Sebaliknya gaya keibubapaan mempunyai kaitan yang signifikan secara statistik dengan kualiti persahabatan remaja.

**KESIMPULAN:** Gaya keibubapaan adalah merupakan faktor yang penting menyumbang kepada masalah emosi dan sosialisasi remaja. *Authoritative* adalah merupakan gaya keibubapaan yang sering diamalkan oleh ibubapa di kawasan Kota Bharu manakala *uninvolved* adalah gaya keibubapaan yang jarang diamalkan . Kemurungan remaja tidak mempunyai kaitan dengan gaya keibubapaan sebaliknya kualiti persahabatan adalah dipengaruhi oleh gaya keibubapaan.

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

Anak-anak adalah umpama sehelai kain putih yang bersih dan suci. Ibubapalah yang bertanggungjawab untuk mencorakkannya dengan berbagai warna yang dikehendaki oleh mereka.Untuk melahirkan seorang insan yang baik dan sempurna adalah sesuatu yang amat sukar. Justeru itu peranan untuk membentuk insan yang baik ini haruslah bermula di rumah. Rumah adalah umpama sekolah yang pertama, manakala ibubapa pula adalah sebagai guru mereka. Apabila ibubapa berperangai mulia dan sentiasa menunjukkan contoh teladan yang baik, sudah pasti anak-anak akan mencontohnya. Didikan yang berteraskan kepada ajaran agama adalah merupakan kunci utama kepada kesempurnaan dalam mendidik anak-anak. Anak-anak yang dididik dengan ajaran yang sempurna biasanya akan berjaya dalam hidup samada di bidang akademik mahupun kerjaya.

Sejajar dengan kepesatan ekonomi dan pembangunan negara corak didikan ibubapa turut mengalami perubahan. Perubahan itu turut mempengaruhi jiwa anak-anak terutama emosi dan sosialisasi mereka. Sebagai contohnya, majoriti remaja banyak menghabiskan masa mereka bersama kawan-kawan. Sehingga kawan-kawan dianggap lebih penting daripada ibubapa. Pada masa yang sama mereka menuntut kebebasan. Tanpa disedari kebebasan yang disangka sebagai jalan penyelesaian itu akhirnya merupakan langkah pertama ke arah kemusnahan diri sendiri. Kerana pergaulan yang terlampau bebas akan menjerumuskan remaja ke arah hilangnya perhubungan diri. Justeru itu tidak mustahillah jika kebelakangan ini heboh diperkatakan isu remaja adalah isu sejagat yang harus diselesaikan dengan segera. Golongan remaja merupakan golongan majoriti yang mempunyai pengaruh di dalam masyarakat.

Menurut Professor K Suzuki (2003), hampir 50% daripada jumlah penduduk di Malaysia ini adalah terdiri dari remaja yang berusia di bawah 21 tahun. Tidak mustahillah isu-isu sosial remaja adalah merupakan isu utama yang harus diselesaikan. Menurut Dr. Rosmawati (2000), antara gejala sosial yang biasanya melibatkan remaja adalah merokok dan menagih dadah. Lebih dari 24.8% melibatkan remaja yang berumur di antara 12-18 tahun. Selain daripada itu peningkatan kelahiran anak luar nikah dan insiden melakukan hubungan seks terlalu awal dengan pasangan masing-masing adalah contoh-contoh yang menunjukkan betapa runtuhnya moral dan akhlak remaja kita hari ini.

Apa yang menjadi tandatanya sekarang ini adalah mengapakah isu-isu sosial ini begitu berleluasa dan susah untuk dibendung. Pandey (2003) dalam rencananya menyatakan bahawa faktor-faktor yang menggalakkan gejala ini berleluasa adalah kerana kurangnya kecintaan kepada diri sendiri dan kurangnya keyakinan dalam diri remaja. Apabila kurangnya keyakinan diri maka mereka akan mudah terpengaruh dengan rakan sebaya dan mudah terikut-ikut dengan perubahan semasa yang tidak sihat. Keyakinan diri adalah sebahagian daripada konsep harga diri (*self-esteem*) yang biasanya wujud dalam diri secara semulajadi. Keyakinan diri ini, biasanya terbentuk melalui didikan di rumah, oleh guru-guru di sekolah serta interaksi dengan rakan-rakan sebaya. Sekiranya masalah ini tidak diselesaikan segera kemungkinan berlakunya masalah kemurungan di kalangan kanak-kanak dan remaja. Akibatnya emosi dan sosialisasi mereka turut terjejas.

Keluarga adalah merupakan satu unit yang penting dalam sesebuah komuniti. Sistem kekeluargaan merupakan satu sistem yang utama yang boleh mempengaruhi kesihatan dan kesejahteraan hidup setiap ahli keluarganya baik dari aspek mental, fizikal dan sosiologikal (Anderson dan Sabatelli, 1999). Selain dari itu, ianya juga boleh menjadikan individu lebih berdikari dan lebih mempunyai *autonomi* atau berkuasa pada diri sendiri (Anderson dan

Satabelli, 1999). Justeru itu sistem pentadbiran dan pengurusan yang cekap dan licin haruslah dilaksanakan bagi mempastikan setiap ahli keluarga dapat menikmati kegembiraan dan kepuasan hidup. Untuk melaksanakan kesejahteraan ini, ibubapalah satu-satunya orang yang penting bagi merealisasikan keadaan tersebut. Peranan yang harus dimainkan oleh mereka adalah melalui corak didikan yang betul. Corak didikan ini juga dikenali sebagai gaya keibubapaan. Oleh kerana terdapat banyak gaya keibubapaan maka adakala seseorang itu mengamalkan campuran beberapa gaya sesuai dengan masa dan situasi anak mereka.

Seorang pengkaji barat mengatakan bahawa gaya keibubapaan yang tertentu akan membentuk dan mempengaruhi kelakuan serta tabiat, malah cara berfikir di kalangan kanak-kanak dan remaja (Wood, McLeod dan Sigman, 2003). Terdapat 4 gaya keibubapaan yang telah dikenalpasti iaitu:

- *Indulgent Parents* atau dikenali juga sebagai gaya *permissive* atau tiada pengarahan (non-directing). Biasanya ibubapa jenis ini akan lebih bersikap demokrasi, bertolak ansur, mempunyai perspektif dalam mendidik anak-anak. Mereka lebih bersikap terbuka dan bekerjasama dengan anak-anak.
- *Authoritarian style* adalah gaya yang merujuk kepada tuntutan yang tinggi terhadap anak-anak dan lebih kepada menggalakkan anak-anak mematuhi setiap arahan dan peraturan yang telah ditentukan terlebih dahulu oleh ibubapa.
- *Authoritative style* adalah merangkumi kedua-dua gaya iaitu, *permissive* dan *authoritarian*. Iubapa yang mengamalkan gaya begini biasanya mengemukakan

tuntutan dan mengawal anak-anak mereka. Akan tetapi pada masa yang sama mereka bersifat responsif dan bertolak ansur dengan anak-anak mereka.

- *Uninvolve style* adalah merujuk kepada keadaan tidak bertanggungjawab atau *neglecting*. Gaya ini juga lebih kepada pengabaian tanggungjawab dalam mendidik anak-anak (Darling, N. 1999).

Walaupun banyak kajian telah dilakukan di negara-negara barat namun belum terdapat kajian seumpamanya dilakukan di negara kita. Oleh kerana itu adalah sangat relevan untuk mengkaji pengaruh gaya keibubapaan dan hubungannya dengan emosi dan sosialisasi anak-anak. Parameter yang digunakan untuk mengkaji emosi adalah kemurungan sementara parameter yang digunakan untuk mengkaji pengaruh sosialisasi adalah kualiti persahabatan.

## 1.1 HIPOTESIS

Gaya asuhan tidak memberikan kesan kepada masalah kemurungan dan kualiti persahabatan remaja.

## 1.2 DEFINISI

### Gaya keibubapaan

Terdapat berbagai definisi berkaitan dengan gaya keibubapaan antaranya; keupayaan ibubapa memberi autonomi kepada anak (Gowers, 2001). Mengikut Baumrind, gaya keibubapaan bolehlah didefinisikan sebagai variasi normal setiap ibubapa yang cuba mengawal dan menggosialisasi anak mereka (Baumrind, 1997).

### Kemurungan/ kesedihan

Keadaan dimana seseorang mengalami rasa kecewa dan putus asa yang diiringi oleh gejala seperti sukar tidur, lembap berfikir dan rasa bersalah yang keterlaluan yang tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan (Kamus Dewan, 1996).

### Kualiti

Darjah kecemerlangan atau kepuasan yang paling optimum dalam sesuatu perkara atau perbuatan (Kamus Dewan, 1996).

### Persahabatan

Satu hubungan yang erat dan murni (Kamus Dewan, 1996).

### Remaja

Adalah peralihan usia di antara kanak-kanak kepada dewasa (Hawkins, 1999).

## **1.3 KEBAIKAN KAJIAN**

### Kepada ibubapa:

Dapat mengenalpasti corak keibubapaan yang digunakan oleh ibubapa.

### Kepada kanak-kanak dan remaja:

Dapat mengesan perkaitan kemurungan dan kualiti persahabatan remaja dengan gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibubapa mereka.

### Kepada jururawat

Dapat mengenalpasti jenis-jenis gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibubapa serta dapat mengenalpasti kaitan antara gaya keibubapaan dengan kemurungan dan kualiti persahabatan.

### **1.4 LIMITASI**

Semasa kajian ini dijalankan terdapat limitasi daripada aspek masa pengumpulan data. Pengumpulan data telah dilakukan pada akhir Oktober dan awal November di mana pada waktu tersebut peperiksaan akhir tahun telah di jalankan dan merupakan minggu akhir persekolahan. Kehadiran pelajar pada minggu persekolahan adalah kurang. Ini menyebabkan penyertaan remaja setiap sekolah yang terlibat adalah kurang daripada yang dijangkakan.

## **BAB 2**

### **SEMAKAN BACAAN**

Pada dasarnya gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibubapa sekarang ini dipengaruhi oleh gaya keibubapaan yang diamalkan sejak turun-temurun. Justeru itu pengalaman lampau mereka akan diperturunkan kepada anak-anak mereka (Brook, Richter dan Whiteman, 2003). Gaya keibubapaan ini bukan sahaja mempengaruhi jiwa dan mental kanak-kanak malahan turut sama menyumbang kepada pembentukan tingkah laku anak-anak (Wood et al, 2003). Sebagai contoh satu kajian mendapati bahawa ibubapa yang pernah didera semasa kecil akan mendera anak-anak mereka kelak (Brook, Richter dan Whiterman, 2000). Sebagaimana yang dinyatakan oleh Scott (2002) dalam kajiannya bahawa 80% kelakuan ganas kanak-kanak adalah berpunca dari pemerhatian secara langsung yang berlaku di rumah mereka sendiri. Jelaslah bahawa pengaruh gaya keibubapaan terhadap pembentukan jiwa serta mental remaja sangat kuat sekali sehingga boleh mempengaruhi tingkah laku mereka apabila dewasa (Scheibe dan Albus, 1997) .

Kajian-kajian telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji barat sejak awal tahun 1920an terhadap pengaruh keluarga kepada perkembangan mental dan fizikal anak-anak. Menurut mereka gaya keibubapaan yang baik akan menggalakkan kepada penghasilan generasi yang berkualiti dari aspek kelakuan dan emosi. Ia juga dapat memupuk semangat dan bekerjasama dengan orang lain dan dengan ini akan mewujudkan satu semangat setia kawan (Coleman, 2002). Gaya asuhan yang baik juga akan membantu ibubapa dalam mengubah persepsi mereka terhadap keupayaan dan tingkah laku sebenar anak-anak mereka (Brook, Richter dan Whiteman, 2003).

Kebanyakkan pengkaji hanya mengetengahkan faktor-faktor lain, sebagai punca kepada pembentukan jiwa dan kelakuan anak-anak. Di antaranya adalah faktor genetik. Satu kajian genetik telah menunjukkan bahawa ibubapa yang mempunyai masalah kesihatan mental seperti skizofrenia samada mendapat rawatan ataupun tidak sedikit sebanyak akan mempengaruhi sikap dan kelakuan anak-anak mereka. Tidak mustahil sekiranya suatu masa kelak anak-anak mereka juga turut menghadapi masalah yang sama (Wamboldt dan Wamboldt, 2000). Ini akan menyebabkan anak-anak mereka akan hilang keyakinan diri dan sentiasa berada dalam suasana ketakutan dan malu untuk menghadapi masyarakat. Malah, masyarakat sekitar sendiri akan memberikan stigma yang negatif pada keseluruhan zuriat mereka (March dan Curry, 1998). Faktor genetik juga dikaitkan dengan penggunaan ubat-ubatan yang diamalkan. Iubapa yang mengambil ubatan antidepresif biasanya menghadapi masalah dalam mewujudkan perhubungan interpersonal dengan anak-anak (Bolton, et al., 2003). Kanak-kanak akan merasakan diri mereka terabai dan merasakan bahawa hubungan kasih sayang mereka terhalang oleh kesan sampingan ubat-ubatan (Brook, Richter dan Whiteman, 2003). Pergantungan pada ubatan juga akan menyebabkan hilangnya keyakinan diri individu itu sendiri malah masyarakat sekitar terhadap keupayaan sebenar mereka (Brook, Richter dan Whiteman, 2003).

Ada juga pengkaji yang mengaitkan isu persekitaran dengan pembentukan sikap dan kelakuan remaja. Antaranya satu kajian menyatakan bahawa kanak-kanak yang menghadapi masalah sosial adalah disebabkan oleh ibubapa yang terlampau mengongkong anak-anak mereka, lama kelamaan anak-anak mereka akan membesar dalam suasana ketegangan, tertekan dan tidak kurang juga akan menjadi individu antisosial (Reti et al., 2002). Akibatnya mereka akan menjadi seorang yang pemarah dan fanatik dalam setiap urusan yang melibatkan dirinya dengan masyarakat (Scoot et al., 2003).

Daripada beberapa kenyataan di atas dapatlah dikatakan bahawa terdapat banyak faktor yang boleh dikaitkan dengan pembentukan keyakinan diri dan menjadi punca kepada masalah kemurungan dan perhubungan sosialisasi remaja.

Namun begitu berdasarkan maklumat kajian juga ada menunjukkan bahawa pengaruh gaya keibubapaan adalah faktor yang kuat jika dibandingkan dengan beberapa faktor seperti yang dibincangkan di atas (Scott et al., 2003). Gaya keibubapaan menyumbang kepada 30% daripada keganasan yang dilakukan oleh kanak-kanak (Scott et al., 2003). Ramai pengkaji percaya bahawa kesan daripada gaya keibubapaan yang tertentu akan membawa kepada masalah keyakinan diri, kemurungan dan gangguan dalam perhubungan interpersonal kanak-kanak dan remaja (Crowford dan Manusis, 2001 dan Lich et al., 2002). Gaya keibubapaan yang tertentu dan kelakuan ibubapa yang tertentu sebenarnya adalah pengaruh utama dalam pembentukan kelakuan dan emosi remaja (Wood et al., 2003). Menurut Crowford lagi, remaja yang mengalami kemurungan adalah semakin meningkat dari masa ke semasa. Menurut Kirchner dan rakan-rakannya (2000), kesan dari gaya keibubapaan ini juga akan menjaskan pencapaian akademik remaja.

Terdapat juga pengkaji yang menyatakan tidak ada perkaitan antara gaya keibubapaan dengan masalah kemurungan dan kelakuan remaja (Kirchner et al., 2000). Menurut mereka ia adalah disebabkan oleh masalah individu ibubapa dan masalah psikopatologikal ibubapa itu sendiri. Namun begitu, ada juga pengkaji-pengkaji yang menyatakan bahawa, sebenarnya tidak dapat dipastikan punca sebenar masalah kemurungan dan kelakuan remaja ini. Mereka tidak dapat mengenalpasti adakah ia sebenarnya berpunca dari masalah psikopatologikal ibubapa ataupun berpunca dari gaya keibubapaan itu sendiri (Lich et al., 2002). Mungkin bagi remaja mereka dapat mengekspresikan perasaan sedih dan kemurungan mereka melalui percakapan, keluhan atau kelakuan. Sebaliknya sekiranya remaja tidak pandai untuk

meluahkan perasaan atau mengendalikan masalah mereka, masalah kemurungan yang teruk boleh berlaku.

Oleh yang demikian kesedaran ibubapa adalah penting dalam menangani isu ini, agar generasi kita pada masa yang akan datang merupakan generasi yang mempunyai keyakinan diri yang tinggi dan tidak mudah dipengaruhi oleh unsur-unsur luaran yang boleh memusnahkan kesejahteraan masyarakat. Apabila keyakinan diri dapat ditingkatkan di tahap yang paling optimum maka kebarangkalian remaja yang akan mengalami masalah kemurungan dapat di kurangkan dan kualiti perhubungan persahabatan interpersonal dapat di perkembangkan ke tahap yang lebih cemerlang.

## **BAB 3**

### **OBJEKTIF**

1. Untuk mengenalpasti gaya keibubapaan di kalangan ibubapa.
2. Untuk mengenalpasti perkaitan antara gaya keibubapaan dengan emosi dan sosialisasi remaja di mana emosi diwakili oleh kemurungan dan sosialisasi diwakili oleh kualiti persahabatan.

## **BAB 4**

### **METODOLOGI**

Kajian ini dilakukan secara keratan rentas (cross-sectional) bermula dari akhir Oktober sehingga awal November di sekolah-sekolah jajahan Kota Bharu.

#### **4.1 Pemilihan sekolah**

Pemilihan sekolah dilakukan secara persampelan rawak bagi sekolah-sekolah dalam jajahan Kota Bharu. Kebenaran bertulis diperolehi dari Jabatan Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri. Kebenaran dari guru besar sekolah-sekolah yang terbabit juga diperlukan sebelum pengutipan sampel dilakukan. Sekolah-sekolah yang terpilih adalah :

- 4.1.1** Sekolah Menengah Tanjung Mas (SMTM)
- 4.1.2** Sekolah Menengah Pengkalan Chepa (SMPC)
- 4.1.3** Sekolah Menengah Panji (SMP)
- 4.1.4** Sekolah Menengah Kota (SMK)

#### **4.2 Pemilihan pelajar dan jumlah sampel**

Pelajar-pelajar yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada mereka yang berada dalam tingkatan 2. Pelajar tingkatan 2 sahaja diambil kerana mereka ini tidak terlibat dengan peperiksaan penting seperti Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan mereka ini sudah pandai untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan serta mereka adalah di peringkat awal remaja. Pemilihan pelajar-pelajar pula dilakukan secara persampelan rawak sistematik. Senarai seluruh pelajar tingkatan 2 diambil dan di bahagikan dengan 100. Contohnya sekiranya jumlah pelajar tingkatan 2

sekolah tersebut adalah 400 maka setiap pelajar yang ke 4 dalam senarai pendaftaran pelajar diambil sebagai sampel (1:4). Jumlah sampel saiz adalah dikira dengan menggunakan formula:

$$N = \left[ \frac{Z}{\Delta} \right]^2 P(1-P)$$

$$\begin{aligned} &= \left[ \frac{1.96}{0.05} \right]^2 0.2(1-0.2) \\ &= 1536.64 \times 0.1 \times 0.9 \\ &= 138 \text{ orang} \end{aligned}$$

$N$  = bilangan sampel (Jumlah sampel adalah 400 orang iaitu 100 orang setiap sekolah)

$P$  = *probability*

$Z$  = jumlah standard untuk normal distribusi dengan dua standard deviasi iaitu  $CI=1.96$

$\Delta$  = 55% daripada jumlah pembahagian sebenar = 0.05

*expected drop out* = 4.5% dari 110 = 5

Sampel yang dianggarkan adalah sebanyak 138 orang. Sebanyak 400 set borang soal selidik gaya keibubapaan diedarkan iaitu 100 set borang untuk setiap sekolah. Namun begitu hanya 110 borang sahaja dikembalikan semula. Ini adalah berdasarkan kepada responden yang gagal menghantar kembali borang soalselidik yang diberikan pada masa yang ditetapkan. Walaubagaimanapun terdapat kadar attrissi yang rendah

(4.5%). Pelajar yang dipilih diedarkan borang keizinan untuk ibubapa bagi membenarkan pelajar dan memberikan persetujuan untuk ibubapa turut menjadi sampel kajian. Ibubapa yang tidak bersetuju untuk menjadi sampel diekslusikan dari kajian manakala ibubapa yang bersetuju diedarkan beberapa borang soalselidik untuk diisikan. Pemilihan sampel dan pengutipan semula borang soalselidik adalah mengambil masa selama 3 hari bagi setiap sekolah.

#### **4.3 Kriteria inklusi dan ekslusi**

##### **4.3.1 Kriteria inklusi**

1. Ada kebenaran bertulis dari ibubapa
2. Pelajar-pelajar tingkatan 2
3. Pelajar-pelajar dan ibubapa yang faham dan menggunakan Bahasa Malaysia

##### **4.3.2 Kriteria ekslusi**

1. Pelajar-pelajar dan ibubapa yang enggan mengambil bahagian dalam kajian
2. Tiada kebenaran bertulis dari ibubapa

#### **4.4 Pertimbangan etika**

Kelulusan etika untuk menjalankan kajian ini telah diperolehi daripada Jawatankuasa Etika Pusat Pengajaran di Kampus Kesihatan. Kebenaran dari Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Jabatan Pendidikan Malaysia (JPM) juga diperolehi. Ibubapa dan pelajar telah diberi borang keizinan untuk di tandatangani. Semua identiti pelajar dan ibubapa adalah dirahsiakan. Sampel-sampel ini juga boleh menarik diri pada bila-bila masa sahaja yang mereka kehendaki.

## **4.5 Borang soalselidik**

Soalan-soalan yang digunakan adalah berdasarkan soalselidik yang telahpun diterjemahkan ke Bahasa Melayu oleh Dr. Jamil sendiri. Soalselidik yang digunakan mengandungi :

- 4.5.1** Maklumat sosiodemografik – ibubapa dan anak (remaja)
- 4.5.2** Soalselidik Gaya Keibubapaan (*Parenting Child Questionnaire-PSQ*)-diisi oleh ibubapa
- 4.5.3** Soalselidik Senarai Tingkahlaku Kanak-Kanak (*Child Behaviour Checklist-CBCL*)-diisi oleh ibubapa
- 4.5.4** Soalselidik Kualiti Persahabatan (*Friendship Relationship Questionnaire-FRQ*)-harus diisi oleh remaja.

### **4.5.1 Borang Sosiodemografi**

Borang ini mengandungi Borang Maklumat dan borang Keizinan Ibubapa/penjaga remaja. Borang ini memerlukan ibubapa menulis perkara-perkara yang berkaitan dengan maklumat pelajar dan juga maklumat ibubapa sendiri. Ibubapa juga harus menyatakan jenis pekerjaan, pendapatan isi rumah sebulan, bilangan tanggungan serta perasaan mereka pada waktu itu. Soalan juga menilai tahap pengetahuan ibubapa terhadap Gaya Keibubapaan. Ibubapa hanya perlu menandakan di dalam kotak yang telah disediakan.

### **4.5.2 Soalselidik Gaya Keibubapaan**

Borang soalselidik untuk mengenalpasti gaya keibubapaan telah dialihbahaskan oleh Dr. Jamil dari Jabatan Psikiatrik Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian. Soalselidik ini mengandungi 33 soalan dengan skala Likert. Terdapat 4 skala dalam setiap soalan. Skala 1 adalah untuk kenyataan

“sangat bersetuju”, skala 2 adalah untuk kenyataan “bersetuju”, skala 3 adalah untuk kenyataan “tidak bersetuju” dan skala 4 adalah untuk kenyataan “sangat tidak bersetuju”. Soalan gaya keibubapaan dikategorikan mengikut gaya *indulgent*, *authoritarian*, *authoritative*, *uninvolve*, dan terdapat juga soalan yang tidak berkaitan dengan gaya keibubapaan, iaitu tiada mewakili sebarang gaya. Soalan ini merupakan soalan yang neutral untuk mengimbangi soalan-soalan lain.

**Jadual 4.5.2 Menunjukkan Jumlah Soalan Untuk Setiap Kategori Gaya Keibubapaan.**

Jenis keibubapaan	Bilangan	No. Soalan
<i>Indulgent</i>	5	9, 15, 24, 28, 29
<i>Authoritarian</i>	10	1, 2, 7, 8, 13, 14, 18, 19, 20, 27
<i>Authoritative</i>	6	3, 4, 6, 16, 21, 22
<i>Uninvolve</i>	6	10, 17, 23, 25, 32, 33
<i>Tiada berkaitan</i>	6	5, 11, 12, 26, 30, 31

#### **4.5.3 Senarai Semakan Tingkahlaku Kanak-kanak (*Child Behaviour Checklist - CBCL*)**

Bagi mengesan kemurungan remaja borang senarai semakan tingkahlaku kanak-kanak (*Child Behaviour And Checklist-CBCL*) telah digunakan dan telah dialihbahaskan oleh Dr. Jamil dari soalan yang asal. Terdapat 113 soalan dengan 3 skala jawapan yang merangkumi soalan berkaitan kesihatan mental remaja seperti kemurungan, obesiti, keinginan untuk membunuh diri, masalah berkaitan halusinasi dan sebagainya. Skala jawapan adalah “0” untuk tidak benar, “1” untuk benar dan “2” sangat benar. Daripada 113 soalan hanya soalan yang memfokuskan kepada kemurungan iaitu soalan bernombor 12, 14, 18, 24, 33, 35, 42, 52, 88, 91 dan 100. Semua soalan ini akan dijumlahkan dan dianalisa hubungannya dengan sosiodemografi dan kualiti persahabatan.

#### **4.5.4 Senarai Semakan Kualiti Persahabatan.**

Senarai semakan ini mengandungi 10 soalan dengan 5 skala jawapan. Setiap 2 item tersebut mewakili 5 domain khusus yang merangkumi 5 aspek penting iaitu *companionship, help friendship, security friendship, conflict friendship clossness friendship dan* (sila lihat jadual 4.5.4). Untuk setiap jenis kualiti persahabatan, individu yang menjawab nombor 3 dan 4 pada skala jawapan adalah dikira positif untuk kualiti persahabatan tersebut.

**Jadual 4.5.4 Menunjukkan Bilangan Item Yang Terlibat Untuk Setiap Domain Kualiti Persahabatan**

<b>Jenis Kualiti Persahabatan</b>	<b>Bilangan Item</b>	<b>Item-Item Terlibat</b>
<i>Companionship</i>	2	1, 3
<i>Help friendship</i>	2	2, 7
<i>Security friendship</i>	2	4, 8
<i>Conflict friendship</i>	2	5, 10
<i>Clossness friendship</i>	2	6, 9

## **BAB 5**

### **KEPUTUSAN**


#### **5.1 Data Sosiodemografi Pelajar**

Pelajar-pelajar dipilih secara persampelan rawak sistematik melibatkan seluruh pelajar tingkatan 2 dari sekolah-sekolah terpilih di kawasan Kota Bharu. Analisis dilakukan untuk data demografi ibu bapa dan pelajar untuk melihat peratusan dan taburan sampel, manakala analisis non-parametrik digunakan untuk umur, baangsa dan agama pelajar. Remaja yang menyertai kajian ini 100% terdiri daripada mereka yang berbangsa Melayu, beragama Islam dan berumur 14 tahun.

##### **5.1.1 Penyertaan Remaja Mengikut Jantina**

Gambarajah dibawah menunjukkan bilangan perbezaan pelajar lelaki dan juga pelajar perempuan.


**Gambarajah 5.1.1 : Pembahagian Sampel Mengikut Jantina**



Pada keseluruhannya penyertaan pelajar perempuan mengatasi pelajar lelaki dengan perbezaan 23.8%.

### 5.1.2 Penyertaan Remaja Mengikut Sekolah

**Gambarajah 5.1.2 Pembahagian Sampel Mengikut Sekolah**




Gambarajah 5.1.2 menunjukkan peratusan pelajar yang terlibat dalam kajian. Majoriti pelajar yang dikaji (60%) adalah dari sekolah Menengah Tanjung Mas. Sementara perbezaan peratusan pelajar daripada ketiga-tiga sekolah lain menunjukkan perbezaan yang tinggi jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah tersebut. Terdapat perbezaan yang ketara di antara ketiga-tiga sekolah lain jika dibandingkan dengan SMTM di mana terdapat perbezaan sebanyak 46.7% jika dibandingkan dengan SMP. SMK mempunyai perbezaan sebanyak 49.5% dan SMPC mempunyai perbezaan sebanyak 53.8% jika dibandingkan dengan SMTM. Dengan ini sambutan dari SMTM adalah lebih tinggi dan SMPC mempunyai sambutan yang paling kurang.

### 5.2 Data Sosiodemografi Ibubapa/penjaga

Ibubapa yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 105 orang dan mereka terdiri daripada 54 responden (54.1%) bapa manakala 51 responden (48.6%) adalah ibu remaja. (Gambarajah 5.2.1)


### 5.2.1 Umur Ibubapa

Gambarajah 5.2.1.1-Peratus Pembahagian Pemaklum



Data ini jelas menunjukkan bahawa jumlah responden adalah hampir sama antara ibu dan juga bapa.

Gambarajah 5.2.1.2 – Pecahan Ibubapa/Penjaga Mengikut Umur




Gambarajah di atas menunjukkan responden yang terlibat dalam kajian ini. Ibubapa yang terlibat dalam kajian ini berumur antara 20-69

tahun. Majoriti daripada mereka adalah dalam lingkungan umur 40-49 tahun (47.6%) dan 32.4% adalah mereka yang berumur 30-39 tahun dan diikuti dengan 13.3% ibubapa berumur antara 50-59 tahun serta (5.7%) mereka yang berumur 60-69 tahun. Hanya 1% sahaja berumur 20-29 tahun. Maklumat ini adalah bersesuaian kerana masyarakat di Malaysia kebanyakannya berkahwin pada umur 26 tahun dan ini bermakna apabila mereka berumur 40-49 tahun anak mereka berumur 14 tahun.

### **5.2.2 Pekerjaan Ibubapa**

**Gambarajah 5.2.2 – Pembahagian Ibubapa/Penjaga Mengikut Pekerjaan**




Pekerjaan ibubapa juga jelas dikategorikan kepada beberapa kelas. Ia merangkumi pekerjaan di bidang profesional, kakitangan kerajaan, kakitangan swasta, ahli perniagaan, mereka yang bekerja sendiri, mereka yang tidak bekerja dan lain-lain pekerjaan. Daripada kelas-kelas pekerjaan ini di dapati golongan ibubapa yang bekerja sendiri adalah merupakan golongan majoriti (29.5%) manakala kakitangan kerajaan mengambil tempat kedua (24.8%) Jumlah responen yang tidak bekerja adalah hampir sama dengan jumlah kakitangan kerajaan dimana perbezaannya adalah

sebanyak 1.0%. Jumlah ibubapa yang bekerja dalam sektor swasta adalah sama dengan ibubapa yang mempunyai pekerjaan lain dari yang disenaraikan (9.5%). Dua orang responen (1.9%) adalah bermiaga. Manakala hanya 1.0% adalah ibubapa berkerjaya profesional. Ringkasan peratusan pekerjaan adalah seperti ditunjukkan oleh gambarajah 5.2.2.

### 5.2.3 Pendapatan Ibubapa

**Gambarajah 5.2.3 – Pecahan Ibubapa Mengikut Pendapatan Sebulan**




Daripada data di atas, bolehlah dirumuskan bahawa majoriti responden adalah berpendapatan dalam lingkungan kurang daripada RM500-RM1000 sebulan (67.5%). Manakala ibubapa yang berpendapatan antara RM1001-RM2000 adalah sebanyak 13.3%. Ibubapa yang berpendapatan antara RM2001-RM3000 adalah sebanyak 9.5%. Jumlah ini adalah hampir sama dengan ibubapa yang mempunyai pendapatan lebih dari RM 3001 ke atas (8.7%).

#### **5.2.4 Bilangan Tanggungan**

Majoriti ibubapa (43.8%) mempunyai lebih dari enam orang anak. Ini diikuti dengan (26.7%) ibubapa yang mempunyai lima orang anak. Manakala enam belas ibubapa (15.2%) mempunyai empat orang anak, lapan ibubapa mempunyai tiga orang anak (7.6%) dan lima ibubapa (4.8%) mempunyai dua orang anak. Hanya dua ibubapa sahaja mempunyai seorang anak (1%). Gambarajah di bawah menunjukkan peningkatan eksponential di antara bilangan anak dan peratusan ibubapa yang dikaji.

**Gambarajah 5.2.4 - Bilangan Tanggungan**




#### **5.2.5 Usia Anak Sulung**

Majoriti responden (41.9%) mempunyai anak sulung yang berumur 14-17 tahun manakala tiga puluh tiga responden (31.4%) mempunyai anak sulung berumur lebih dari 20 tahun. Dua puluh enam (24.8%) mempunyai anak sulung yang berumur antara 17-20 tahun. Ini diikuti pula dengan hanya


dua pasangan yang mempunyai anak sulung yang berumur antara 10-13 tahun (91.9%).

**Gambarajah 5.2.5 – Umur Anak Pertama dibawah Tanggungan Penjaga**



#### 5.2.6 Usia Anak Bongsu

**Gambarajah 5.2.6 – Umur Anak Bongsu Dalam Tanggungan**



Dari carta di atas, di dapati bahawa seramai tiga puluh satu pasangan ibubapa (29.5%) mempunyai anak bongsu kurang dari umur dua tahun. Manakala dua puluh sembilan respondeen (27.6%) mempunyai anak bongsu lebih dari 9 tahun. Dua puluh tiga ibubapa mempunyai anak bongsu dalam